



SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 5/2025

PELANCARAN MALAM 7 LIKUR DAN IFTAR @ KL 2025 MERIAHKAN IBU KOTA DENGAN CAHAYA WARISAN RAMADAN

KUALA LUMPUR, 22 Mac 2025 - Tradisi Malam 7 Likur yang sinonim dengan pemasangan pelita di penghujung Ramadan telah diraikan dengan penuh meriah menerusi Pelancaran Malam 7 Likur di Dataran Merdeka, malam ini. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersama YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur, dalam suasana yang penuh simbolik dan menggamit nostalgia, sekali gus menggabungkan elemen warisan budaya dengan aspirasi bandar raya hijau dan lestari.

Pelancaran ini merupakan sebahagian daripada program Iftar @ KL 2025 yang berlangsung selama empat hari pada 15, 16, 22 dan 23 Mac 2025 di Jalan Raja, Dataran Merdeka. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kelab Warisan Seni Samudera. Penganjuran ini turut disokong oleh pelbagai rakan strategik termasuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Pungutan Zakat (PPZ),

Tourism Malaysia, PDRM, KDN, serta penglibatan aktif syarikat-syarikat korporat.

Kemuncak acara ialah menyalakan pelita panjut gergasi oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama tetamu kehormat, yang menjadi lambang perpaduan dan kesinambungan warisan budaya. Dataran Merdeka yang sarat dengan nilai sejarah diserikan dengan ribuan pelita dalam pelbagai rekaan, menjadi tarikan unik bagi warga kota dan pelancong.

Buat julung kalinya, Pertandingan Pelita Kota turut diperkenalkan melibatkan penyertaan dari 11 Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setiap pasukan mempersembahkan rekaan pelita berasaskan teknologi hijau, menggunakan hanya LED dan tenaga solar bagi menyokong usaha menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya rendah karbon. Hasil kreativiti peserta telah berjaya menggabungkan elemen tradisi dan inovasi moden yang menyerlahkan keindahan warisan dalam suasana bandar.

Iftar @ KL 2025 turut diceritakan dengan pelbagai acara menarik antaranya RASA Bubur Lambuk Rewang Wira yang dianjurkan buat tahun ketujuh oleh NU Ideaktiv menerusi majalah RASA dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dengan sokongan penaja utama BLACKMORES®, serta rakan penaja lain seperti FGV, AJI-SHIO®, OKI dan INDRIVE. Sebanyak 8,000 pek bubur lambuk telah diedarkan secara percuma di pelbagai lokasi sekitar ibu kota. Acara ini turut dimeriahkan dengan demonstrasi masakan oleh Chef Naem dan Shafiqcute, tazkirah oleh Ustaz Hariri serta kehadiran selebriti tanah air seperti Mila Jirin, Nana Mahazan dan Faizal Ismail.

Program Iftar @ KL yang kini memasuki edisi ke-13 sejak mula dianjurkan pada tahun 2012, terus meriah dengan pelbagai pengisian menarik. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk tazkirah Ramadan oleh PU Amin, penglibatan penyampai radio Suria FM, pengagihan bubur lambuk, Tadarus Al-Quran, Bicara Ramadan, serta penyertaan Skuad Budaya dan jualan food truck yang menambah semarak suasana. Turut diadakan ialah inisiatif Jom Exchange Al-Quran bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi memudahkan pemulangan Al-Quran yang tidak sah dan penukaran kepada naskhah yang telah disahkan. Pelbagai aktiviti ini berjaya menarik kehadiran ramai pengunjung dan menyemarakkan lagi sambutan Ramadan di ibu kota.

Dengan kehadiran lebih 10,000 pengunjung setiap hari, program ini membuktikan bahawa budaya dan kemajuan mampu bergerak seiring dalam membentuk identiti Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya Islam yang progresif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Dengan kejayaan penganjuran tahun ini, DBKL berhasrat untuk menjadikan Iftar @ KL dan Malam 7 Likur sebagai acara tahunan yang lebih inovatif dan inklusif, dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang terus menghargai dan meraikan kepelbagaian budaya serta keharmonian dalam masyarakat.

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Unit Media Jabatan Perancangan Korporat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 22 Mac 2025 e-mel: akhbar@dbkl.gov.my	Unit Komunikasi Korporat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786 Email: ukk@jkkn.gov.my
--	---